



PEMAKLUMAN PENTING HAL EHWAL AKADEMIK

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, DAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SESI DISEMBER 2019 – APRIL 2020 (SESI 20202) PELAJAR PROGRAM ASASI UiTM

1.0 TUJUAN

Pemakluman ini bertujuan memberikan panduan kepada semua pelajar Pusat Asasi UiTM mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, dan peperiksaan akhir semester sesi Disember 2019 – April 2020 (sesi 20202) berikutan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kandungan dalam panduan ini telah disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP) pada 31 Mac 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19 mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (Perutusan YAB Perdana Menteri, 16 Mac 2020) dan disambung sehingga 14 April 2020 (Perutusan YAB Perdana Menteri, 25 Mac 2020) memerlukan universiti mengambil langkah proaktif dan di luar kelaziman bagi memastikan pelajar-pelajar tidak terjejas dengan ketidaktentuan krisis COVID-19 ini.

Pelaksanaan ini juga berpandukan dan perlu dibaca bersama-sama rujukan utama yang berkaitan seperti berikut:

- Pekeliling Naib Canselor Bilangan 08 Tahun 2020 bertarikh 25 Mac 2020
- Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 01 Tahun 2020 bertarikh 25 Mac 2020
- Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2019 bertarikh 6 Mei 2019
- Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 28 Mac 2020
- Panduan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 29 Mac 2020
- Pindaan Kalendar Akademik Program Asasi semester Disember 2019 – April 2020 yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertarikh 20 Mac 2020 (*tertakluk kepada pindaan seterusnya)

Perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini telah menjelaskan Kalendar Akademik pelajar dan pertambahan kes-kes baru COVID-19 menjadikan situasi menjadi lebih tidak menentu. Hal ini seterusnya telah menjelaskan tumpuan pelajar

kepada pembelajaran dan peperiksaan. Krisis utama sekiranya pelajar-pelajar yang berjumlah 3830 orang yang dijadualkan pulang ke kampus pada 14 April 2020 akan membawa dan menyebarkan virus COVID-19 kepada warga kampus. Situasi akan menjadi lebih buruk sekiranya terdapat pelajar atau staf yang akan dikuarantin. Situasi bertambah buruk sekiranya bangunan atau kampus terpaksa ditutup. Justeru, Universiti mengambil langkah bertanggungjawab bagi mengelakkan situasi ini daripada berlaku.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pelaksanaan dan Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran pada minggu ke 12,13 dan 14

- a. Sesi perkuliahan pada minggu ke 12 hingga 14 tidak akan diadakan secara bersemuka di kampus dan kaedah penyampaian adalah secara fleksibel untuk menghabiskan silibus yang belum selesai pada semester ini.
- b. Tempoh pelaksanaan ini adalah bermula dari **13 April 2020 sehingga 4 Mei 2020**. Dalam menghabiskan silibus ini, ianya tidak terikat dengan jadual waktu pelajar dan boleh menggunakan sepenuhnya keanjalan masa dalam penyampaian fleksibel.

3.2 Peperiksaan akhir bagi semua program Asasi semester Disember 2019 - April 2020

- a. Peperiksaan akhir tidak akan dilaksanakan. Markah pentaksiran semester adalah berdasarkan kepada markah pentaksiran berterusan termasuklah ujian pertengahan semester yang telah dilaksanakan.
- b. Pelaksanaan ini tertakluk kepada petikan daripada **Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19** yang telah dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 29 Mac 2020, iaitu:

“Peperiksaan akhir yang tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar”

*Pada prinsipnya PPT boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan **(a)** merangkumi sekurang-kurangnya **70%** daripada keseluruhan penilaian pelajar **DAN (b)** telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.”*

- c. Justeru, setiap kursus yang ditawarkan pada semester Disember 2019 – April 2020 perlu melaksanakan pentaksiran berterusan melalui markah kerja kursus sekurang-kurangnya 70%. Bagi kursus yang telah melaksanakan 50% pentaksiran berterusan, maka hanya perlu menjalankan sekurang-kurangnya baki 20% pentaksiran berterusan yang menggantikan markah peperiksaan akhir.

4.0 TINDAKAN

- 4.1 Pelajar perlu menghantar dan melaksanakan semua tugas kerja kursus yang akan diberikan untuk pentaksiran selewat-lewatnya pada **4 Mei 2020**. Walau bagaimanapun sekiranya diperlukan, pentaksiran berterusan tambahan (*special case/case-by-case*) oleh **pensyarah** boleh dilaksanakan kepada pelajar tertentu selewat-lewatnya sehingga **18 Mei 2020**.
- 4.2 Semua pelajar tidak lagi perlu menghadiri kuliah di kampus dan hanya perlu menunggu keputusan PNG, HPNG dan status akademik dari kediaman masing-masing.
- 4.3 Pelajar masih lagi tertakluk kepada tarikh-tarikh penting berdasarkan kepada **pindaan Kalendar Akademik Program Asasi semester Disember 2019 – April 2020 (pengawalan wabak COVID-19)** yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM. Peringatan berkenaan tarikh-tarikh penting ini juga akan dihebahkan dari masa ke masa oleh Pusat Asasi dan pelajar diminta membuat tindakan sewajarnya serta memberikan kerjasama bagi mengelakkan daripada sebarang implikasi yang tidak diingini.
- 4.4 Pelajar perlu sentiasa prihatin kepada sebarang perkembangan dan maklumat yang akan disampaikan dari masa ke masa daripada pihak Pusat Asasi, UiTM, KPT dan Kerajaan Malaysia. Semoga perlaksanaan ini membolehkan pengurusan Pusat Asasi, pensyarah, pelajar dan ibubapa dapat menghindari keresahan daripada ketidaktentuan situasi krisis COVID-19 ini.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pemakluman ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.



PROFESOR DR. SAIFOLLAH HAJI ABDULLAH

Pengarah
Pusat Asasi

02 APRIL 2020